Ramli bin Md Mokhtar lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42–62 OF 2006
ZAINAL AZMAN PK
1 APRIL 2009

Keterangan — Laporan polis — Kekeliruan — Percanggahan dari segi masa dan tarikh yang dicatat — Pengadu tidak dipanggil memberi keterangan — Sama ada intipati penting tidak diasaskan — Sama ada keesahan ekshibit meragukan

Keterangan — Saksi-saksi pendakwaan — 'Accomplice' — Penglibatan secara aktif SP7 kepada transaksi jual beli — Sama ada keterangan SP7 seharusnya diragui dan ditolak — Sama ada hakim bicara terkhilaf dalam penilaian peranan SP7

Undang-Undang Jenayah — Pecah amanah — Kanun keseksaan — S 408 — Rayuan — Sama ada elemen-elemen kesalahan dibuktikan — Sama ada sabitan dan hukuman yang dikenakan berasas — Sama ada bukti cukup untuk campur tangan dengan keputusan hakim mahkamah sesyen

Perayu telah dituduh dengan dua tuduhan di bawah s 408 Kanun Keseksaan kerana melakukan pecah amanah terhadap deraf kertas-kertas soalan bagi peperiksaan Sijil Amalan Guaman. Mahkamah sesyen mendapati tertuduh bersalah. Bagi pertuduhan pertama, perayu dihukum penjara lima tahun dan satu sebatan dan bagi pertuduhan kedua, penjara lima tahun dan satu sebatan. Hukuman tersebut berjalan serentak. Perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut telah merayu terhadap sabitan dan hukuman yang dikenakan bagi kedua-kedua pertuduhan berkenaan. Kes pendakwaan adalah seperti berikut: Tertuduh telah menyerahkan kepada SP7 empat set kertas jawapan kosong dan draf soalan Evidence. Menurut SP7, tertuduh memaklumkan bahawa nilaian kertas tersebut adalah RM15,000. SP7 menduduki peperiksaan pada 25 Julai 2001 dan mendapati bahawa soalan yang keluar adalah sama dengan draf soalan yang diberikan oleh tertuduh. Duit tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun tertuduh dari bulan Julai hingga September. Kemasukan duit tersebut telah disahkan oleh SP6 (Penolong Pengurus Maybank). Pada 2 Oktober 2001, tertuduh telah menyerahkan kepada SP7 satu sampul yang mengandungi lima set kertas draf soalan untuk peperiksaan bulan Oktober bersama senarai calon dan nombor

telefon rumah. Tertuduh meminta SP7 menjual draf kertas peperiksaan tersebut dengan harga RM2,500/RM3,000 setiap satu set. Semua kertas peperiksaan tersebut adalah salinan fotostat. SP7 berjaya mendapatkan pembeli daripada senarai yang diberikan oleh tertuduh iaitu SP4 dan SP5 dengan harga RM1,500. Pada 5 Oktober 2001, SP7 telah memulangkan tiga set kertas peperiksaan kepada tertuduh. Sebelum itu, SP1 telah dihubungi oleh lapan pelajarnya yang menyatakan bahawa mereka telah ditawarkan draf kertas peperiksaan CLP dengan harga RM5,000 setiap satu. Menurut SP4, dia ada dihubungi oleh seorang lelaki yang menawarkan untuk menjual kertas peperiksaan CLP. SP4 dalam keterangannya ada bercakap dengan lelaki tersebut dan menyatakan '*I have a few conversation with him and he sounded like an Indian*'. Keterangan SP5 menyatakan '*On 4 October 2001 I received a call from an anonymous number. In late evening I received a call from an aged Indian slang person. He speaks good English but with an Indian slang*'.

Diputuskan, membenarkan rayuan, mengetepikan sabitan dan hukuman:

(1) Terdapat kekeliruan dalam laporan polis daripada segi masa ia dibuat dan tarikh yang dicatat berhampiran tandatangan pengadu iaitu Dato' Abdul Wahab. Tarikh laporan dibuat ialah 12 November 2001 dan tarikh yang ditulis oleh Dato' Abdul Wahab ialah 12 Oktober 2001, perbezaan selama satu bulan. Perbezaan ini tidak dijelaskan dan individu yang sepatutnya menjelaskan tentang perkara ini ialah Dato' Abdul Wahab sendiri, tetapi malangnya beliau tidak dipanggil sebagai saksi (lihat perenggan 19).

(2) Dalam laporan polis itu dinyatakan bahawa beliau (Dato' Abdul Wahab) telah menerima satu set draf kertas soalan untuk peperiksaan bulan Julai 2001 yang dijalankan oleh Lembaga Kelayakan, dan ini merujuk kepada eksh P2, P3, P4, P5 dan P6. Malangnya kesemua eksibit tersebut dijadikan sebagai ekshibit pendakwaan melalui SP18 sedangkan orang yang menerima set kertas peperiksaan tersebut adalah Dato' Abdul Wahab sendiri. Sebagai setiausaha kepada Lembaga dan sebagai orang yang menerima set kertas peperiksaan tersebut, Dato' Abdul Wahab adalah orang yang paling layak untuk mengesahkan dan menjadikan set kertas peperiksaan tersebut sebagai ekshibit-ekshibit tersebut dan bukan SP18. Dalam keadaan-keadaan ini, ekhibit-ekshibit tersebut tidak seharusnya dikemukakan kerana keesahan ekshibit-ekshibit tersebut adalah diragui (lihat perenggan 21–23).

(3) Keterangan SP4 dan SP5 menunjukkan bahawa SP7 tidak berurusan dengan SP4 dan SP5. Secara jelasnya ada orang lain yang berurusan dengan SP4 dan SP5 berkenaan dengan perkara ini dan SP7 sengaja mereka cerita untuk kepentingannya sahaja (lihat perenggan 34).

(4) SP7 telah membuat deposit sebanyak RM13,000 ke dalam akaun tertuduh, menunjukkan penglibatan secara aktif SP7 dalam transaksi jual beli kertas peperiksaan tersebut. Seterusnya, SP7 telah bertemu dengan tertuduh dan tertuduh telah memberikan satu sampul surat mengandungi sampul yang mengandungi lima set draf kertas peperiksaan tersebut yang menunjukkan penglibatan sebenar SP7 dalam kes ini dan peranan SP7 secara menyeluruh adalah sebagai seorang 'accomplice' dan SP7 juga mendapat keuntungan daripada kegiatan tertuduh ini. Tanpa peranan SP7, keseluruhan perbuatan jual beli kertas peperiksaan tidak akan berlaku. Oleh itu hakim bicara telah khilaf dalam penilaian beliau akan peranan SP7 dalam kes ini dan gagal mengarahkan minda beliau akan fakta ini (lihat perenggan 35–36).

[English summary

The appellant was charged with two charges under s 408 of the Penal Code for committing breach of trust on the draft questions for Certificate in Legal Practice examination. The sessions court found the appellant guilty. For the first charge, the appellant was sentenced to five years imprisonment and whipping while for the second charge, five years imprisonment and whipping. Both sentences to run concurrently. Dissatisfied with the decision, the appellant appealed against the conviction and sentence for both charges. The prosecution's case was as follows: The accused handed to SP7 four sets of blank answer papers and a draft Evidence question. According to SP7, the accused informed him that the value of the paper was RM15,000. SP7 sat for the examination on 25 July 2001 and found out that the questions were exactly the same with the draft questions given by the accused. The money was deposited into the accused's account from the month July until September. The deposit of the money was affirmed by SP6 (Maybank Assistant Manager). On 2 October 2001, the accused gave an envelope containing five sets of draft questions for October examinations together with the list of candidates and their house phone numbers. The accused asked SP7 to sell the draft of examination papers at the price of RM2,500/RM3,000 each set. All the examination papers were photostated copies. SP7 was successful in getting the buyers from the list given by the accused ie SP4 and SP5 for the price of RM1,500. On 5 October 2001, SP7 returned three sets of the examination papers to the accused. Prior to that, SP1 was contacted by his eight students who stated that they were offered the draft examination papers at the price of RM5,000 each. According to SP4, he was contacted by a man who offered to sell CLP examination papers. In SP4's statements, he had had a conversation with the man and said 'I have a few conversation with him and he sounded like an Indian'. SP5's statement stated that 'On 4 October 2001 I received a call from an anonymous number. In late evening I received a call from an aged Indian slang person. He speaks good English but with an Indian slang'.

Held, allowing the appeal, setting aside the conviction and sentence:

(1) There was an ambiguity in the police report in terms of the time it was lodged and the date written by the signature of the complainant, Dato' Abdul Wahab. The date of the lodgement of the report was 12 November 2001 and the date written by Dato' Abdul Wahab was 12 October 2001, a difference of a month. This difference was not explained and the individual who was supposed to explain the matter was Dato' Abdul Wahab himself, but unfortunately he was not called as a witness (see para 19).

(2) In the police report it had been stated that he (Dato' Abdul Wahab) received a set of the draft question for July 2001 examination held by the Qualifying Board and these referred to exhs P2, P3, P4, P5 and P6. Unfortunately, all the exhibits were tendered as prosecution's exhibits through SP18 whereas the person who received the examination papers was Dato' Abdul Wahab himself. As the secretary for the Board and the person who received a set of the examination papers, Dato' Abdul Wahab was the most qualified person to affirm and tender the set of examination papers as exhibits, not SP18. In these circumstances, P2, P3, P4, P5 and P6 should not have been produced as exhibits because the authenticity the exhibits was doubted (see paras 21–23).

(3) SP4 and SP5's statements showed that SP7 did not deal with SP4 and SP5. It was clear that there was another person who had dealt with SP4 and SP5 in this matter and SP7 had intentionally made up stories for own his interest (see para 34).

(4) SP7 had deposited the sum of RM13,000 into the accused's account, showing that SP7 had actively participated in the sale and purchase of the examination papers transaction. Further, SP7 met the accused and the accused handed him an envelope containing another envelope with five sets of the draft examination papers, showing actual participation of SP7 in this case and SP7's role as a whole was as an accomplice and SP7 had also gained benefit from the accused's activity. Without SP7's role, the whole act of the sale and purchase of the examination papers would not have taken place. Therefore the trial judge had erred in his assessment of SP7's role in this case and had failed to direct his mind to this fact (see paras 35–36).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kekeliruan keterangan, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 823.

Untuk kes-kes mengenai keterangan 'accomplice', lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 53–64.

Untuk kes-kes mengenai s 408 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1837–1852.

Kes-kes yang dirujuk

Por Choo Aik lwn Pendakwa Raya [1993] 2 MLJ 131; [1993] 1 LNS 90, MT (dirujuk)

Shaari v PP [1963] MLJ 22; [1962] 1 LNS 185, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 64, 65

Kanun Prosedur Jenayah ss 173, 257(1)

M Visvanathan (Saibullah MV Nathan & Co) bagi pihak perayu.

Nahra bt Dollah (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Zainal Azman PK:

PENGENALAN

[1] Ramli bin Md Mokhtar, perayu telah dituduh dengan dua tuduhan seperti berikut di mahkamah sesyen:

Pertuduhan 1

Bahawa kamu antara Jun dan Julai 2001 di Pejabat Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Tingkat 27, Menara Tun Razak, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai orang gaji iaitu pembantu pejabat/penghantar surat di Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang yang diamanahkan dengan penguasaan ke atas suatu harta iaitu deraf kertas-kertas soalan bagi peperiksaan Sijil Amalan Guaman bagi bulan Julai 2001 atas sifatnya sebagai orang gaji telah melakukan pecah amanah berkenaan harta tersebut dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 408 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan 2

Bahawa kamu antara 26hb September 2001 dan 8hb Oktober 2001 di Pejabat Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Tingkat 27, Menara Tun Razak, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagai orang gaji iaitu pembantu pejabat/penghantar surat di Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang yang diamanahkan dengan penguasaan ke atas suatu harta iaitu deraf kertas soalan Evidence 2001 Supplementary Examination bagi peperiksaan Sijil Amalan Guaman atas sifatnya sebagai orang gaji telah melakukan pecah amanah berkenaan harta tersebut dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 408 Kanun Keseksaan.

[2] Perayu tidak mengaku salah dan pohon kes dibicarakan. Pihak pendakwa telah memanggil seramai 18 orang saksi. Di akhir kes pendakwaan

A mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan satu kes prima facie dan tertuduh dipanggil untuk membela diri. Tertuduh memilih memberi keterangan secara bersumpah dan memanggil seramai lima orang saksi.

B **[3]** Di akhir kes pembelaan, mahkamah mendapati keterangan yang dibuat oleh tertuduh gagal untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Oleh itu mahkamah mendapati tertuduh bersalah dan disabitkan sepertimana pertuduhan.

C *Hukuman*

Tuduhan 1: Penjara lima tahun dari tarikh hukuman dan satu sebatan.

Tuduhan 2: Penjara lima tahun dari tarikh hukuman dan satu sebatan.

Hukuman berjalan serentak.

D

[4] Perayu yang tidak berpuas hati akan keputusan tersebut telah merayu akan sabitan dan hukuman yang dikenakan bagi kedua-kedua pertuduhan berkenaan.

E KES PENDAKWAAN

[5] Pada 24 Julai 2001 jam lebih kurang 1.00 tengahari, SP7 ('Goh Poo Teong') datang ke pejabat CLP dan ada bertemu dengan OKT. OKT
F memaklumkan kepada SP7 bahawa beliau ada kertas draf soalan 'evidence' yang dijadualkan pada esoknya iaitu 25 Julai 2001. SP7 diminta oleh OKT untuk datang semula pada petang itu dan meminta SP7 membeli satu telefon jenis Samsung kepada beliau.

Petang tersebut, SP7 bertemu lagi dengan OKT di tempat letak kereta dekat
G pejabat CLP. OKT menyerahkan kepada SP7 empat set kertas jawapan kosong dan draf soalan evidence. Menurut SP7, OKT memaklumkan bahawa nilaian kertas tersebut adalah RM15,000.

H **[6]** SP7 menduduki peperiksaan pada 25 Julai 2001 dan mendapati bahawa soalan yang keluar adalah sama dengan draf soalan yang diberikan oleh OKT. Kertas jawapan dipulangkan oleh SP7 kepada OKT pada malam 26 Julai 2001.

Menurut SP7 bahawa beliau telah membuat bayaran pertama sejumlah
I RM5,000 kepada OKT melalui akaun bank yang diberikan oleh OKT kepadanya pada akhir bulan Julai.

[7] Sekitar bulan Ogos, SP7 sekali lagi memasukkan ke dalam akaun yang sama sebanyak RM2,000.

Pada bulan September, SP7 telah memasukkan ke akaun yang sama sebanyak 3 kali iaitu sebanyak RM3,000, RM2,000 dan RM2,000

[8] Kemasukan duit ini ke dalam akaun OKT telah disahkan oleh SP6 ('Penolong Pengurus Maybank'). Dengan merujuk kepada specimen card ('P15') dan salinan IC OKT ('P15A') disahkan akaun bernombor 14105–252612 adalah milik OKT. Dengan merujuk kepada Quarterly Report for July — September dan Daily Saving Account Transaction, SP6 sahkan bahawa:

(1) Pada 28 Julai 2001 deposit RM5,000 — melalui Maybank Cawangan Inanam.

(2) Pada 16 Ogos 2001 deposit RM2,000 — melalui Maybank Cawangan Inanam.

(3) Pada 11 September 2001 deposit RM1,000 — melalui Maybank Cawangan Inanam.

(4) Pada 18 September 2001 deposit RM2,000 — melalui Maybank Cawangan Serdang.

(5) Pada 19 September 2001 deposit RM3,000 — melalui Maybank Cawangan Inanam.

[9] Pada bulan Ogos juga, OKT memaklumkan kepada SP7 bahawa telefon beliau jenis Samsung telah dicuri dan minta SP7 belikan yang baru yang mana SP7 telah membeli satu lagi telefon untuk OKT dan diserahkan melalui abang SP7 iaitu SP8 ('Ngu Poi Ee').

Pada 2 Oktober 2001 SP7 datang lagi ke Kuala Lumpur dan jumpa OKT. OKT telah menyerahkan kepada SP7 satu sampul yang mengandungi lima set kertas draf soalan untuk peperiksaan bulan Oktober bersama senarai calon dan nombor telefon rumah.

OKT minta SP7 menjual kertas draf tersebut dengan harga RM2,500/RM3,000 setiap kertas. Semua kertas ini adalah photostat.

[10] Menurut SP7 beliau telah membuat beberapa panggilan tetapi tiada siapa yang berminat. Pada 5 Oktober 2001 jam 1.00 tengahari, SP7 telah memulangkan 3 set soalan tersebut kepada OKT. Akhirnya SP7 berjaya mendapatkan pembeli dari senarai yang diberikan oleh OKT dengan harga RM1,500. Mereka ialah SP4 ('Zita Lau Ling Ling') dan SP5 ('See Wee Lee').

[11] Sebelum itu, SP1 telah dihubungi oleh lapan pelajar beliau yang menyatakan bahawa mereka telah ditawarkan untuk kertas draf CLP dengan harga RM5,000 setiap satu. Hanya dua yang pergi beli iaitu SP4 dan ayah kepada SP5 dengan harga RM2,500 bagi setiap orang.

SP1 juga beberapa minggu selepas itu, menerima dalam satu surat melalui pos beberapa kertas peperiksan bulan Julai 2001 yang SP1 tidak diketahui siapa pengirimnya. Kertas-kertas itu kemudiannya diserah ke Pejabat Peguam Negara.

[12] Menurut SP4 beliau ada dihubungi oleh seorang lelaki yang menawarkan untuk menjual kertas soalan CLP dengan harga RM3,000 dan kemudiannya mereka bersetuju dengan harga RM2,500. SP4 menurut arahan yang diberikan oleh lelaki tersebut bagi mendapatkan soalan berkenaan dan meletakkan wang yang dimaksudkan. SP4 dalam keterangannya ada bercakap dengan lelaki dan menyatakan 'I have a few conversation with him and he sounded like an Indian' ('ms 52 rekod rayuan').

Keterangan SP5 pula di 'ms 54 rekod rayuan' menyatakan '*On 4 October 2001 received a call from anonymous number. In late evening I received a call from an aged Indian slang person. He speak good English but with Indian slang*'. Ayah SP4 ('See Hee Teng') (tidak dipanggil sebagai saksi) yang menguruskan bagi mendapatkan draf soalan ini bagi pihak SP4.

ASAS RAYUAN

[13] Peguam perayu berhujah bahawa OKT ('perayu') tidak diwakili oleh peguam semasa perbicaraan di mahkamah sesyen. Tiada catatan diterangkan bahawa peruntukan s 173 Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ') diterangkan kepada OKT sebelum kes pembelaan dimulakan. Juga merujuk kepada s 257(1) KPJ yang menyatakan:

> Case for prosecution to be explained by courts to undefended accused
>
> (1) At every trial before the court of a magistrate if and when the court calls upon the accused for his defence it shall, if he is not represented by an advocate, inform him of his right to give evidence on his own behalf, and if he elects to give evidence on his own behalf shall call his attention to the principal points in the evidence for the prosecution which tell against him in order that he may have an opportunity of explaining them.
>
> (2) The failure at any trial of any accused to give evidence shall not be made the subject of adverse criticism by the prosecution.

[14] Walaupun begitu dalam kes ini, OKT telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dan melihat kepada OKT mengendalikan kes pembelaan ianya menunjukkan bahawa OKT faham pertuduhan yang dihadapi oleh beliau. OKT telah memanggil seramai lima saksi bagi pihak beliau. OKT juga telah membuat penghujahan di akhir kes pendakwaan dan juga pembelaan (ms 159–161 dan ms 312–321 rekod rayuan). Secara

keseluruhannya tidak menampakkan sebarang kemudaratan atau permasalahan yang timbul dalam perbicaraan ini terhadap OKT. A

[15] Diputuskan dalam kes *Por Choo Aik v Pendakwa Raya* [1993] 2 MLJ 131; [1993] 1 LNS 90, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman Hishamudin (pada ketika itu) menyatakan bahawa: B

> Dalam kes di hadapan saya, setelah meneliti keterangan tertuduh, saya berpendapat bahawa kegagalan yang arif majistret mematuhi s 257(1) Kanun itu telah tidak memudaratkan tertuduh dan tertuduh nampaknya memahami prosiding dan keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan terhadapnya; dan tertuduh berupaya memberi jawapan yang boleh diterima akal. Tetapi, sama ada majistret harus menerima jawapan tertuduh ataupun sama ada tertuduh dalam jawapannya telah berupaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan adalah soalan lain yang saya tidak bercadang membincangkan buat ketika ini. Kesimpulannya, peninggalan (omission) yang telah dilakukan oleh yang arif majistret di dalam kes di hadapan saya sekarang adalah suatu peninggalan yang boleh diperbetulkan (curable) di bawah s 422 Kanun itu. C D

[16] Manakala dalam kes *Shaari v Public Prosecutor* [1963] MLJ 22; [1962] 1 LNS 185 Yang Arif Hakim Azmi (pada ketika itu) menyatakan bahawa: E

> In the case before me, the accused was able, as shown in his evidence, to explain the evidence given and in my opinion, if the magistrate had accepted his denial of the knowledge of the bananas he would be acquitted. In other words, though the magistrate had failed to explain the main points of the evidence against the appellant, he was able in his defence to give an intelligent reply. F
>
> I would, therefore, although s 257 of the Criminal Procedure Code did appear at first sight to be mandatory by reason of the words 'shall call his attention', I would say that having regard to what had taken place subsequent to that the accused had not been prejudiced in his defence and would, therefore, say that in the present case the failure by the magistrate to comply with the provision of, the section had not occasioned any prejudice or a reasonable probability of prejudice but is an omission curable under s 422 of the Criminal Procedure Code. G

[17] Oleh itu saya memutuskan bahawa hujahan peguam perayu dalam perkara ini adalah tidak berasas dan ditolak. H

[18] Isu yang kedua yang diutarakan oleh peguam OKT ialah pengadu Dato' Abdul Wahab bin Said Ahmad tidak pernah dipanggil untuk memberi keterangan dan laporan polis yang dibuat oleh beliau dikemukakan sebagai eksh P23 oleh SP18 iaitu pegawai penyiasat. I

[19] Apa yang perlu dilihat di sini ialah laporan polis itu sendiri terdapat kekeliruan dari segi masa ianya dibuat dan tarikh yang dicatat berhampiran

tandatangan pengadu iaitu Dato' Abdul Wahab yang saya percaya ditulis oleh Dato' Abdul Wahab sendiri. Tarikh laporan dibuat ialah *12 November 2001* dan tarikh yang ditulis oleh Dato' Abdul Wahab ialah *12 Oktober 2001*, perbezaan selama satu bulan. Perbezaan ini tidak dijelaskan dan individu yang sepatutnya menjelaskan tentang perkara ini ialah Dato' Abdul Wahab sendiri, tetapi malangnya beliau tidak dipanggil menjadi saksi.

[20] Oleh itu, laporan polis ini tidak sepatutnya dijadikan sebagai eksh P23 kerana SP18 tidak boleh mengesahkan bahawa kandungan laporan polis tersebut sebenar-benarnya telah dibuat oleh Dato' Abdul Wahab, tambahan pula terdapat perbezaan yang ketara dari segi tarikh, walaupun pengemukaan ini tidak dibantah oleh OKT.

[21] Dalam laporan polis ini dinyatakan bahawa beliau (Dato' Abdul Wahab) telah menerima satu set draf kertas soalan untuk peperiksaan bulan Julai 2001 yang dijalankan oleh Lembaga Kelayakan, dan ini merujuk kepada eksh P2, P3, P4, P5 dan P6.

[22] Malangnya *P2, P3, P4, P5* dan *P6* ini kesemuanya dijadikan sebagai ekshibit pendakwaan melalui SP18 sedangkan orang yang menerima set soalan ini adalah Dato' Abdul Wahab sendiri. Persoalannya sekarang adakah set soalan ini adalah set soalan yang diterima oleh Dato' Abdul Wahab kerana menurut SP18 beliau mendapat set soalan ini dari C/Insp Undi (tidak dipanggil memberi keterangan) dan menurut SP18 lagi C/Insp Undi tidak memaklumkan kepada beliau set soalan ini diterima dari mana (ms 154 rekod rayuan).

[23] Sebagai setiausaha kepada lembaga dan sebagai orang yang menerima set soalan tersebut, Dato' Abdul Wahab adalah orang yang paling layak untuk mengesahkan dan menjadikan set soalan tersebut sebagai P2, P3, P4, P5 dan P6 dan bukan SP18. Dalam keadaan ini saya putuskan P2, P3, P4, P5 dan P6 tidak seharusnya dijadikan ekshibit kerana kesahan P2, P3, P4, P5 dan P6 adalah diragukan.

[24] Sekiranya P2, P3, P4, P5 dan P6 tidak dijadikan sebagai ekshibit, maka pertuduhan pertama gagal dibuktikan oleh pihak pendakwa kerana P2, P3, P4, P5 dan P6 adalah merupakan *subject matter* bagi pertuduhan pertama. Selain P2 yang dikatakan soalan yang sama yang diberikan oleh OKT kepada SP7, tidak ada sebarang keterangan yang boleh mengaitkan P3, P4, P5 dan P6 dengan tertuduh.

[25] Terdapat juga keterangan dari SP2 dan SP11 (ms 24 dan 88 rekod rayuan) yang menunjukkan bahawa bukan OKT seorang saja yang terlibat

dalam memusnahkan kertas draf soalan. Ini menunjukkan bahawa sesiapa saja boleh mengeluarkan draf soalan tersebut dari pejabat CLP. A

[26] P2 pula (semasa ditunjukkan kepada SP7 masih lagi ID2), SP7 mengatakan 'it is similar because in my copy there are handwriting on it' (ms 74 rekod rayuan). Ini bermakna P2 adalah bukan kertas draf soalan yang diterima oleh SP7 dari OKT. B

[27] Oleh itu, bagi pertuduhan pertama, saya dapati dan putuskan intipati penting telah tidak diasaskan kerana terdapat keraguan akan kandungan P23 sedangkan Dato' Abdul Wahab Said Ahmad pembuat dokumen tersebut telah tidak dipanggil sendiri untuk mengesahkan kandungan laporan polis berkenaan. C

[28] Begitu juga dengan eksh P2, P3, P4, P5 dan P6 yang merupakan kertas soalan yang dikatakan set soalan yang diterima oleh Dato' Abdul Wahab — Dato' Abdul Wahab harus dipanggil untuk mengesahkan fakta ini dan ini tidak boleh dilakukan oleh SP18 kerana SP18 juga menyatakan ia menerimanya daripada Cif Insp Undi. Oleh itu, intipati penting pertuduhan pertama telah tidak diasaskan dan jelas, hakim bicara telah khilaf dalam memutuskan P2, P3, P4, P5 dan P6 sebagai ekshibit yang tulen dan salinan soalan ini adalah sebenar-sebenarnya yang asal dan telah diamanahkan kepada OKT untuk dimusnahkan. D E

[29] Untuk tuduhan kedua pula, P1 adalah merupakan *subject matter*. Pada P1 (ms 333 hingga 337 rekod rayuan) di ms 336 dan 337 terdapatnya perkataan '*From JSJ D 1 Bukit Aman*' yang mana ianya bermaksud P1 ini adalah merupakan *salinan faks dari Bukit Aman* dan bukannya merupakan *kertas draf soalan asal*. Persoalannya di manakah draf soalan sebenar tersebut berada dan mengapa ianya tidak dikemukakan. Adakah salinan sebenar P1 disimpan oleh pihak Bukit Aman dan jika benar, kenapa ianya tidak dikemukakan ke mahkamah? F G

[30] Seksyen 64 Akta Keterangan 1950 menyatakan bahawa sesuatu dokumen itu mestilah dibuktikan dengan keterangan primer dan ini sejajar dengan prinsip '*Best Evidence Rule*'. Dalam kes ini P1 hanyalah merupakan *secondary evidence*. Seksyen 65 Akta Keterangan 1950 menggariskan keadaan di mana *secondary evidence* boleh diterima sebagai keterangan. H

65(1)Cases in which secondary evidence relating to documents may be given. I

(a) when the original is shown or appears to be in the possession or power —

(i) of the person against whom the document is sought to be proved;

(ii) of any person out of reach of or not subject to the process of the court; or

(iii) of any person legally bound to produce it, and when after the notice mentioned in section 66 such person does not produce it;

(b) when the existence, condition or contents of the original have been proved to be admitted in writing by the person against whom it is proved or by his representative in interest;

(c) when the original has been destroyed or lost, or when the party offering evidence of its contents cannot for any other reason not arising from his own default or neglect produce it in reasonable time;

(d) when the original is of such a nature as not to be easily movable;

(e) when the original is a public document within the meaning of section 74;

(f) when the original is a document of which a certified copy is permitted by this Act or by any other law in force for the time being in Malaysia to be given in evidence;

(g) when the originals consist of numerous accounts or other documents which cannot conveniently be examined in court, and the fact to be proved is the general result of the whole collection;

(2)(a)In the cases referred to in subsection (1)(a), (c) and (d) any secondary evidence of the contents of the document is admissible.

[31] Juga, terdapat percanggahan keterangan antara SP4 dan SP5 dengan keterangan SP7 dari segi masa dan harga kertas draf yang dimaksudkan. Menurut keterangan SP7 di ms 72 rekod rayuan 'I made several call on 5.10.2001 but no one interested'. Rujuk keterangan SP4 pula di ms 49 rekod rayuan 'On 4 October 2001 — night before that somebody call me — a man. He ask me whether I want to buy evidence exam paper or not for purpose of my CLP exam on Monday', manakala keterangan SP5 di ms 54 rekod rayuan 'On 4 October 2001 — I received a call from anonymous number. In late evening I received a call from an aged Indian slang person'. Keterangan ini secara jelas menunjukkan bahawa bukan SP7 yang menelefon SP4 dan SP5.

[32] Dari segi harga juga terdapat perbezaan keterangan antara SP4 dan SP7. Menurut SP4 di ms 51 rekod rayuan 'He told me he is selling it for RM3,000 and later I bargain for it and agreed at RM2,500' manakala keterangan SP7 pula di ms 72 rekod rayuan 'I manage to get a buyer who is willing to buy for RM1,500'.

[33] SP5 pula menyerahkan urusan tersebut kepada bapa beliau (yang tidak dipanggil sebagai saksi) dan kegagalan pihak pendakwa memanggil bapa kepada SP4 sebagai saksi telah melemahkan kes pendakwaan dan ditambah pula dengan percanggahan keterangan antara SP4 dengan SP7.

[34] Dua perbezaan keterangan ini dan keterangan SP4 dan SP5 pada ms 52 dan 54 rekod rayuan yang menyatakan 'I have a few conversation with him and he sounded like an Indian' dan 'On 4 October 2001 I received a call from anonymous number. In late evening I received a call from an aged Indian slang person. He speak good English but with Indian slang', menunjukkan bahawa SP7 tidak berurusan dengan SP4 dan SP5. Secara jelasnya ada orang lain yang berurusan dengan SP4 dan SP5 berkenaan dengan perkara ini dan SP7 sengaja mereka cerita untuk kepentingan beliau sahaja.

[35] Daripada keterangan saksi-saksi pendakwaan dan juga daripada keterangan SP7 sendiri, jelas SP7 memainkan peranan yang penting dalam penjualan kertas soalan kepada SP4 dan SP5. Juga, SP7 telah membuat deposit sebanyak RM13,000 ke akaun OKT menunjukkan penglibatan secara aktif SP7 kepada transaksi jual beli ke atas soalan dan keterangan SP7 bahawa pada 2 Oktober 2001 beliau telah datang sendiri ke Kuala Lumpur dan bertemu dengan OKT dan OKT telah memberikan satu sampul surat mengandungi sampul yang mengandungi lima set draf kertas soalan menunjukkan penglibatan sebenar SP7 dalam kes ini dan peranan SP7 secara menyeluruh adalah sebagai seorang 'accomplice' dan SP7 juga mendapat keuntungan daripada kegiatan OKT ini. Tanpa peranan SP7, keseluruhan perbuatan jual beli kertas soalan tidak akan berlaku.

[36] Oleh itu hakim bicara telah khilaf dalam penilaian beliau akan peranan SP7 dalam kes ini dan gagal mengarahkan minda beliau akan fakta ini.

[37] Di dalam buku *Sarkar on Evidence* (14th Ed) di ms 1924, alasan-alasan seperti di bawah ini diberikan atas kenapa keterangan seorang 'accomplice' tidak boleh dipercayai:

> The principal reasons for holding accomplice evidence to be untrustworthy, are: (1) because an accomplice is likely to swear falsely in order to shift the guilt from himself; (2) because an accomplice being a participator in crime, and consequently an immoral person, is likely to disregard the sanction of an oath; (3) because an accomplice gives his evidence under the promise of a pardon, or in the expectation of an implied pardon; if he discloses all he knows against those with whom he acted criminally, and this hope would lead him to favour the prosecution (per Scott J, *R v Maganlal* 14 B 115; *Md Usaf v RA* 1929 N 215).

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[38] Saya akur bahawa mahkamah yang mendengar rayuan harus berhati-hati dan tidak cepat campur tangan dalam mengusik kedapatan fakta yang telah dibuat oleh hakim bicara. Namun begitu, di dalam kes ini, terdapat satu salah arah yang serius baik dari segi fakta dan undang-undang yang telah dilakukan oleh hakim bicara dalam membuat penilaian keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan, khususnya keterangan SP7.

[39] Oleh itu, berdasarkan alasan-alasan di atas, saya putuskan hakim bicara telah khilaf dalam menerima eksh P1, P2, P3, P4, P5, P6 dan P23 sedangkan orang yang sepatutnya dipanggil untuk mengesahkan dokumen tersebut sebagai salinan sebenar adalah Dato' Abdul Wahab Said Ahmad yang mana telah tidak hadir atau dipanggil sebagai saksi pendakwaan. Ini juga bermakna dokumen P1, P2, P3, P4, P5, P6 dan P23 yang dikemukakan sebagai ekshibit di mahkamah adalah tidak terasas keesahannya sebagai salinan sebenar dan harus ditolak.

[40] Terdapat percanggahan yang material dalam keterangan SP4, SP5 dan kegagalan memanggil beberapa orang saksi lain.

[41] Begitu juga dengan peranan SP7 secara keseluruhannya adalah seorang 'accomplice' dan keterangan SP7 seharusnya diragui dan ditolak.

[42] Dengan itu, rayuan perayu dibenarkan dan sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas perayu adalah diketepikan.

Rayuan dibenarkan. Sabitan dan hukuman diketepikan.

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed